

LAMAN SESAWANG SUNNAH.COM: PENGGUNAANNYA DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Muhammad Syauqi Bin Shabri¹
Muhammad Al Ameen Bin Mohd Iskandar²
Abbas Thaqif Bin Mohd Nizam³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (ssyauqie@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (muhdal.ameenn@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (abbasthaqif@raudah.usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Pembelajaran dan pengajaran hadith telah berkembang seiring dengan kemajuan teknologi moden. Menggunakan penganalisis data berasaskan laman sesawang merupakan salah satu pendekatan terkini dalam pencarian dan juga penilaian hadith. Laman sesawang Sunnah.com merupakan salah satu sistem pencarian yang menyediakan maklumat yang sahih, komprehensif dan juga bermanfaat berkaitan dengan as-Sunnah melalui pelbagai rujukan kitab-kitab hadith dalam memudahkan penyelidikan dilakukan dan secara tidak langsung mempromosikan sunnah Nabi SAW secara meluas. Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap pengetahuan para pelajar terhadap laman sesawang Sunnah.com. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kefahaman para pelajar terhadap penggunaan laman sesawang ini. Kajian ini turut menganalisis akan kelebihan dan juga kekurangan laman sesawang Sunnah.com. Ketiga-tiga objektif ini dipilih adalah untuk menjelaskan keistimewaan dan kelebihan yang terdapat pada laman sesawang ini. Kaedah kajian yang dilaksanakan ialah kaedah kuantitatif iaitu pengumpulan data dalam kalangan para pelajar USIM, khususnya para pelajar Tahun 4, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Hasil kajian mendapati bahawa para pelajar mengetahui dengan baik tentang laman sesawang Sunnah.com dan seterusnya tahu cara menggunakannya.

Katakunci: Laman Sesawang, Sunnah.com, Hadith.

Pengenalan

Pada era globalisasi kini, fenomena pembelajaran dan pengajaran tidak terlepas dari tempaian kemajuan dunia sains dan teknologi. Seiring dengan perkembangan dunia teknologi sekarang, kajian terhadap cabang-cabang Pengajian Islam khususnya dalam bidang hadith juga telah memasuki fasa perubahan iaitu kearah pendigitalan kitab-kitab hadith. Kaedah pembelajaran dan penelitian terhadap kitab-kitab hadith secara fizikal telah bertukar kepada pencarian dan penganalisa berasaskan laman sesawang. Jika dilihat dari sudut yang positif, perkara ini mempunyai kelebihan yang tertentu. Antaranya, dari sudut penguasaan Bahasa Arab sudah semestinya menjadi keutamaan buat para pengkaji dan pelajar Pengajian Islam dalam meneliti dan menelusuri kitab-kitab para ulama' terdahulu. Oleh yang demikian, dengan kewujudan maklumat hadith melalui penggunaan analisis data berasaskan laman sesawang akan memudahkan para pengkaji untuk melakukan transliterasi kepada penggunaan bahasa yang mudah difahami seterusnya akan membantu para pengkaji hadith untuk lebih memahami penggunaan setiap patah perkataan agar tidak disalaherti.

Proses perubahan kepada penggunaan teknologi moden juga telah membantu mempermudah para pengkaji hadith untuk melakukan pencarian, penelitian dan semakan terhadap hadith-hadith Nabi SAW dengan kemunculan perisian (software) yang mampu memberikan pengalaman pencarian yang lebih pantas dan produktif. Dengan hanya memasukkan beberapa elemen perkataan berkenaan hadith yang diinginkan pada enjin pencarian perkataan tersebut sahaja membolehkan puluhan malah ratusan maklumat hadith-hadith terpapar pada kaca komputer dan juga telefon pintar. Proses pencarian juga akan menjadi lebih mudah kerana tidak lagi memerlukan semakan pada helaian-helaian kertas dan mampu diakses walau dimana sahaja.

Di samping itu, keabsahan maklumat yang dihidangkan di dalam laman sesawang yang berautoriti seperti Sunnah.com (<https://sunnah.com>), al-Maktabah al-Waqfeyah (<https://waqfeya.net>), al-Durar al-Saniyyah (<https://dorar.net>), al-Maktabah al-Syamalah (<https://shamela.ws>), Islam Web (<https://islamweb.net>) dan sebagainya tidak dapat dinafikan lagi. Hal ini kerana laman sesawang tersebut berautoriti dalam menyampaikan dan menjelaskan maklumat kepada umum. Oleh yang demikian, penggunaan analisis data berasaskan laman sesawang tersebut juga tidak menjadi kesalahan kerana ianya tidak bercanggah dengan apa yang telah sedia ada di dalam kitab-kitab hadith fizikal. Tambahan pula, kajian hadith pada laman sesawang tersebut hanya melalui proses pendigitalan, iaitu proses pemindahan maklumat dari kitab-kitab fizikal kepada penyimpanan hadith dalam bentuk capaian digital (sofcopy). Proses ini jelas tidak ada tokok tambah dan pengurangan maklumat dari sumber yang asal.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif yang berikut:

- i) Mengenal pasti pengetahuan para pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, USIM berkenaan laman sesawang Sunnah.com.
- ii) Mengetahui sejauh mana tahap penggunaan para pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, USIM terhadap laman sesawang Sunnah.com
- iii) Menganalisis kelebihan dan kekurangan yang terdapat pada laman sesawang Sunnah.com.

Tinjauan Literatur

Selaras dengan objektif kajian, matlamat pengkaji adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan penggunaan laman sesawang Sunnah.com dalam kalangan para pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Pengkaji juga melakukan analisis terhadap kelebihan dan kekurangan yang terdapat pada laman sesawang Sunnah.com.

Menurut Shahril Nizam (2012), kajian mendapati bahawa laman sesawang al-Durar al-Saniyyah dan juga Islamweb merupakan sebuah laman sesawang yang berautoriti dalam pencarian hadith-hadith Nabawi.

Laman tersebut juga merupakan sebuah bentuk penterjemahan digital bagi memudahkan pencarian hadith-hadith dari kitab bercetak. (Pemeliharaan Hadith di Internet: Kajian Terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb)

Namun begitu, kajian ini hanya menfokuskan hadith-hadith Nabawi yang terdapat pada laman sesawang al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb. Berbeza dengan pengkaji yang mengetengahkan laman sesawang Sunnah.com sebagai tajuk utama kajian.

Syed Najihuddin Syed Hassan et.al (2015) pula mengatakan antara cara baru dalam pembelajaran dan pengajaran hadith adalah penggunaan analisis data berasaskan laman sesawang seiring dengan kemajuan dunia teknologi dan maklumat yang moden. Kajian tersebut juga merangkumi keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya lama sesawang al-Durar al-Saniyyah.

Menurut Fahrudin (2019) wujudnya kepelbagaian aplikasi atau software kajian hadith sejajar dengan perkembangan teknologi semasa dapat memudahkan kegiatan penelitian dan mempelajari hadith kepada masyarakat umum khususnya penggunaan terhadap aplikasi dari kajian seberang iaitu aplikasi Masuk Surga.

Pikri Hafidz Maulid (2022) menyimpulkan bahawa aplikasi hadith banyak tersebar dalam kalangan masyarakat seterusnya memudahkan serta melancarkan dakwah di media sosial kerana aplikasi Ensiklopedia Hadith 9 Imam dilengkapi dengan pelbagai ciri yang memudahkan bagi sesiapa yang ingin belajar hadith.

Shahril Nizam (2017) dalam kajian lain mengatakan bahawa pembelajaran dan penyampaian agama dapat disampaikan dengan mudah dan berkesan melalui aplikasi ICT seperti laman web dan perpustakaan digital khususnya terhadap kajian hadith.

Syed Najihuddin Syed Hassan et.al (2009) berkata pula dalam kajian yang lain bahawa pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah dengan bantuan daripada laman sesawang sebagai salah satu alat bagi penggunaan kajian hadith umumnya.

Menurut Asnil Aidah Ritonga (2021), penggunaan aplikasi Maktabah Syamilah sangat penting bagi para pelajar Pengajian Islam. Hal ini kerana para pelajar sangat terhad pengetahuan dan kemahiran mereka dalam proses pencarian maklumat terutama pelajar jurusan agama yang mempunyai halangan dan cabaran ketika menulis kajian ilmiah.

Khadher Ahmad et.al (2019) mengatakan bahawa sumber daripada internet telah menjadi trend dalam masyarakat sekarang. Akan tetapi, sumber tersebut hendaklah ditapis terlebih dahulu kerana sebahagiannya tidak berautoriti terutamanya apabila melihat kepada kajian bidang hadith.

Heru Supriyono et.al (2014) pula menyebutkan tentang aplikasi pembelajaran hadith di dalam telefon pintar. Memang tidak dinafikan bahawa telefon pintar sekarang semakin canggih dan mampu bekerja seperti komputer. Oleh itu, pembelajaran hadith perlu dimanfaatkan sepenuhnya walaupun melalui telefon pintar dengan kehadiran pelbagai aplikasi-aplikasi hadith yang boleh dimuat turun.

Nurazzah Abd Rahman et.al (2020) pula mengatakan pembangunan aplikasi terjemahan Hadith untuk telefon pintar sangat mudah dan lebih mesra pengguna berbanding penggunaan di komputer. Perkara ini akan memudahkan dan membantu para pelajar untuk membuat kajian dalam bidang hadith, seterusnya memahami terhadap apa yang telah dikaji tersebut.

Aliza Sarlan et.al (2021) mengulas tentang proses pembelajaran hadith kepada kanak-kanak dan juga ibu bapa melalui aplikasi-aplikasi tertentu bagi telefon pintar. Ria Candra Widayaningsih et.al (2021) merumuskan bahawa laman sesawang telah menjadi keutamaan bagi memperoleh maklumat dengan lebih berkesan dan cekap seiring dengan kemodenan zaman sekarang.

Setelah menjalankan beberapa tinjauan literatur, didapati tajuk ini masih belum dikaji oleh mana-mana pihak. Justeru, pemilihan kajian ini hadir menepati apa yang diinginkan oleh pengkaji. Hasil kajian

diharap dapat membantu menambahkan pemahaman para pengkaji bidang hadith dan seluruh masyarakat awam terutama para pelajar Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Metodologi Kajian

Pengkaji telah memilih kaedah kajian kuantitatif iaitu jenis kajian yang bersifat meneroka dan dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang sesuatu permasalahan yang timbul (Tenny S et.al, 2022). Kajian kuantitatif pula terbahagi kepada dua jenis iaitu kajian intervensi dan kajian non-intervensi. Menurut John W. Cresswell (2008) kajian kuantitatif adalah jenis kajian yang mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan dan mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada responde.

Kaedah kajian ini dipilih bagi mengumpulkan maklumat, meneliti dan memahami akan penggunaan laman sesawang Sunnah.com dalam kalangan pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Justeru, kaedah penghasilan data ini amat sesuai dilaksanakan ke atas kajian ini kerana pengkaji memilih untuk melakukan kajian data penggunaan laman sesawang ini dalam kalangan para pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Kaedah Pengumpulan Data

Data bagi kajian ini adalah daripada soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji di dalam borang kaji selidik yang diedarkan secara atas talian.

Selain itu, kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen juga dilakukan oleh pengkaji. Segala maklumat berkaitan laman sesawang tersebut dikumpulkan untuk dihuraikan dan dianalisis.

Kaedah Analisis Data

Data dianalisis berdasarkan borang kaji selidik yang telah diedarkan. Kemudian, data dihuraikan dan dikupas serta diterjemahkan ke dalam gambar rajah carta dan juga peratusan bagi memudahkan penyampaian data dilakukan dan difahami.

Kaedah Pemilihan Data

Data paling utama dalam kajian ini adalah berdasarkan borang kaji selidik. Pengkaji meneliti segala jawapan yang diberikan agar menjawab persoalan kajian dan seterusnya memenuhi kehendak objektif kajian.

Laman Sesawang Sunnah.com

Pengenalan Ringkas Laman Sesawang Sunnah.com


Laman sesawang Sunnah.com merupakan sebuah laman pencarian hadith-hadith Nabawi bagi memudahkan para pengkaji untuk mencari maklumat bagi kajian mereka, memberikan pemahaman terhadap hadith-hadith dan sumber simpanan peribadi. Jelas sekali seperti yang tertera, laman sesawang ini hanya menyediakan khidmat dalam bidang hadith dan tidak menyediakan kajian dalam bidang fiqh dan juga fatwa.

Laman sesawang ini boleh diakses dengan menggunakan alamat URL berikut: <https://sunnah.com/>. Laman sesawang ini mempunyai penyelia yang terdiri dari beberapa ahli yang menguruskannya. Penubuhan laman sesawang ini secara rasmi telah bermula pada 14 November 2011 bermula dengan koleksi kitab Riyad as-Salihin yang telah selesai dimuatnaik secara menyeluruh pada 28 November 2011, seterusnya diikuti dengan penambahan pelbagai lagi koleksi kitab-kitab yang terbahagi kepada sumber-sumber yang asal; kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh pengarangnya dengan sanadnya sendiri, dan sumber-sumber yang bukan asal; kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith tanpa sanadnya yang dinukilkan daripada kitab-kitab asal (Faisal, 2012).

Antara kitab dari sumber asal yang terdapat pada laman sesawang ini: Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan an-Nasa'i, Sunan Abi Dawud, Jami' at-Tirmidhi, Sunan Ibn Majah, Muwatta Malik, Musnad Ahmad dan Sunan ad-Darimi. Manakala kitab-kitab dari sumber bukan asal: Koleksi Hadith-Hadith 40,

Hadith 40 an-Nawawi, Riyad as-Salihin, Mishkat al-Masabih, al-Adab al-Mufrad, Ash-Shama'il al-Muhammadiyah, Bulugh al-Maram dan Hisn al-Muslim. Selain itu, laman sesawang ini telah terbina dengan tetapan pelbagai Bahasa pilihan seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Urdu dan juga Bangla.

Halaman Utama Sunnah.Com



(Sumber: <https://sunnah.com/>)

Cara Menggunakan Laman Sesawang Sunnah.com

Langkah-langkah penggunaan laman sesawang Sunnah.com adalah seperti berikut:

1. Masukkan kata kunci ke dalam kotak pencarian atau potongan hadith yang diinginkan atau boleh menekan pada butang “*Search Tips*” untuk pencarian yang lebih mendalam.
2. Pilih maklumat hadith yang keluar hasil dari pencarian kemudian klik pada hadith tersebut untuk ke halaman asal kitab bagi hadith tersebut.
3. Boleh terus berkongsi hadith yang dijumpai tersebut atau menyalin semula dengan klik butang “*copy*”.
4. Pengguna juga boleh mengakses laman sesawang ini dalam bahasa yang pelbagai. Jika terdapat sebarang kesalahan pada teks hadith atau terjemahan teks, pengguna boleh menekan pada butang “*Report Error*” di bahagian bawah.
5. Boleh memilih kitab-kitab seperti yang terdapat di halaman utama laman sesawang untuk membuat pencarian atau bacaan secara penuh kitab tersebut.
6. Jika kitab tersebut mempunyai bab dan juga jilid yang besar, pengguna boleh terus membuka pada bab dan tajuk yang diinginkan dengan mudah.

Contoh Pencarian Dengan Memasukkan Kata Kunci

The screenshot shows search results for the keyword 'istighfar' on Sunnah.com. The results are displayed in two columns. The first result is titled 'Riyad as-Salihin • The Book of Forgiveness - كتاب الاستغفار'. It includes a quote from Thauban (May Allah be pleased with him) reported: 'Whenever the Messenger of Allah (PBUH) finished his Salat (prayer), he would beg forgiveness three times [by saying, 'Astaghfirullah' (3 times)] and then he would say: 'Allahumma Antas-Salamu, wa minkas-Salamu, tabarakta ya Dhal-Jalali wal-Kram. (O Allah! You are the Bestower of security and security comes from You; Blessed are You, O Possessor of glory and honour).' Imam Al-Auza'i (one of the subnarrators) of this Hadith was asked: "How forgiveness should be sought?" He replied: "I say: **Astaghfirullah**, **Astaghfirullah** (I seek forgiveness from Allah. I seek forgiveness from Allah)."[Muslim]. Reference: Riyad as-Salihin 1876. In-book reference: Book 19, Hadith 8.

The second result is titled 'Riyad as-Salihin • The Book of the Remembrance of Allah - كتاب الأذكار'. It includes a quote from Thauban (May Allah be pleased with him) reported: 'Whenever the Messenger of Allah (PBUH) concluded his prayer, he would beg forgiveness from Allah thrice and then would recite: "Allahumma Antas-Salamu, wa minkas-salamu, tabarakta ya Dhal-Jalali wal-Kram (O Allah, You are the Grantor of security, and security comes from You, You are Blessed, O You Who are Most Gracious, Most Merciful)." (رواه مسلم)'. Reference: Riyad as-Salihin 1876. In-book reference: Book 19, Hadith 8.

Contoh Pencarian Melalui Pilihan Kitab Di Halaman Utama Sunnah.Com

The screenshot shows the homepage of Sunnah.com with the 'Sahih Muslim' collection highlighted. The collection is described as 'Sahih Muslim is a collection of hadith compiled by Imam Muslim ibn al-Hajaj al-Naysaburi (rahimahullah). His collection is considered to be one of the most authentic collections of the Sunnah of the Prophet (ﷺ), and along with Sahih al-Bukhari forms the "Sahihain," or the "Two Sahihis." It contains roughly 7500 hadith (with repetitions) in 57 books. The translation provided here is by Abdul Hamid Siddiqui.

Below the description is a table of contents for the Sahih Muslim collection:

Introduction	المقدمة	1	to	7
1 The Book of Faith	كتاب الإيمان	8	to	222
2 The Book of Purification	كتاب الطهارة	223	to	292
3 The Book of Menstruation	كتاب الحيض	293	to	376
4 The Book of Prayers	كتاب الصلاة	377	to	519
5 The Book of Mosques and Places of Prayer	كتاب المساجد ومَوَاضِعِ الصَّلَاةِ	520	to	684
6 The Book of Prayer - Travellers	كتاب صلاة المسافرين وقصرها	685	to	843
7 The Book of Prayer - Friday	كتاب الجمعة	844	to	883

Kelebihan Laman Sesawang Sunnah.com

Hampir keseluruhan responden mendapati bahawa laman sesawang Sunnah.com ini sangat mudah digunakan. Paparan muka laman sesawang ini juga sangat mesra pengguna dan mudah untuk diadaptasi walaupun pertama kali menggunakannya.

Selain itu, laman sesawang ini turut hadir dengan beberapa tetapan bahasa untuk dipilih bagi memudahkan pengguna mencari dan memahami maklumat yang diinginkan. Tambahan pula, laman sesawang ini boleh diakses walau dimana sahaja untuk menyelesaikan tugas selagi mana terdapat akses kepada capaian internet. Laman sesawang ini juga sangat responsif dan tidak memerlukan masa yang panjang untuk diakses.

Di samping itu, perkhidmatan menyalin semula teks telah sedia terbina dengan hanya menekan butang “copy” sahaja. Laman sesawang ini juga turut menyediakan rujukan (*reference*) yang lengkap bagi mereka yang ingin mengambil hadith-hadith di dalamnya. Pada sudut kanan laman sesawang ini, tersedia aplikasi Quran, waktu solat dan juga rakaman bacaan Quran oleh para qari yang terkenal di seluruh dunia.

Kekurangan Laman Sesawang Sunnah.com

Antara kekurangan yang terdapat pada laman sesawang Sunnah.com adalah laman sesawang ini hanya terhad kepada pencarian dalam bidang hadith. Bagi mereka yang inginkan kajian fiqh dan fatwa, perlu mencari alternatif lain seperti laman sesawang Dorar, Maktabah Syamilah dan juga Waqfeya. Selain itu, kitab-kitab yang terdapat pada laman sesawang ini juga sangat terhad. Pengguna perlu merujuk laman sesawang atau aplikasi carian lain bagi memenuhi kehendak mereka dalam pencarian yang lebih meluas terhadap kitab-kitab hadith.

Di samping itu, laman sesawang ini tidak menyatakan takhrij hadith selain hadith-hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang mana sudah diketahui akan kesahihannya. Tetap bahasa juga hanya terhad kepada empat pilihan sahaja. Rantainya sanad hadith juga hanya boleh didapati menerusi sanad yang paling tinggi sahaja.

Dapatan Kajian

Latarbelakang Responden

Seramai 52 orang pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, USIM telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan melalui Microsoft Form. Jadual 1 menunjukkan responden dari pelajar lelaki adalah lebih rendah dari pelajar perempuan kerana sudah menjadi kebiasaan di mana-mana universiti tempatan untuk mempunyai majoriti pelajar dari kalangan perempuan.

Responden	Bil.	%
Lelaki	22	42
Perempuan	31	58

Jadual 1: Latarbelakang Responden

Kajian Tahap Pengetahuan Pelajar

Soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar pada bahagian menjelaskan tentang tahap pengetahuan pelajar-pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah terhadap laman sesawang Sunnah.com. Berikut merupakan rumusan dapatan kajian yang diterima balas:

Bil.	Pernyataan	%
1.	Adakah anda pernah mendengar mengenai laman sesawang Sunnah.com sebelum ini.	96
2.	Pernahkah anda melayari laman sesawang Sunnah.com.	79
3.	Adakah anda tahu tujuan penubuhan laman sesawang Sunnah.com.	91
4.	Adakah anda tahu laman sesawang Sunnah.com merupakan sebuah enjin carian hadith-hadith Nabawi sahaja.	70

5. Tahukah anda bahawa laman sesawang Sunnah.com boleh dilayari selain dari Bahasa Arab. 64

Jadual 2: Rumusan Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Laman Sesawang Sunnah.Com

Berdasarkan Jadual 2 diatas, dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan para pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, USIM terhadap laman sesawang Sunnah.com adalah sangat baik. Majoriti pelajar mengatakan bahawa mereka pernah mendengar mengenai laman sesawang tersebut dan juga melayarinya. Para pelajar juga mengetahui akan tujuan sebenar penubuhan laman sesawang Sunnah.com.

Kajian juga turut mendapati bahawa mereka sangat berpengetahuan tentang laman sesawang ini yang mana laman sesawang ini hanya khas untuk mencari hadith-hadith Nabawi sahaja. Tambahan pula, mereka mengetahui akan penggunaan pelbagai bahasa di dalam laman sesawang ini, tidak hanya menggunakan Bahasa Arab sahaja.

Rajah 1 dibawah menunjukkan rumusan cadangan penggunaan laman sesawang Sunnah.com dari individu-individu tertentu, keluarga atau media sosial. Hasil kajian mendapati bahawa, para pelajar telah dicadangkan oleh para pensyarah untuk menggunakan laman sesawang ini dalam pencarian mereka berkaitan hadith-hadith Nabawi. Hal ini kerana para pensyarah yang lebih banyak memperkenalkan laman sesawang ini selain dari rakan-rakan dan juga maklumat-maklumat berkaitan laman sesawang ini yang diperoleh dari media sosial terutamanya Facebook.



Rajah 1: Rumusan Cadangan Penggunaan Laman Sesawang Sunnah.Com

Kajian Tahap Penggunaan Pelajar


Bahagian ini pula menjelaskan tentang tahap penggunaan para pelajar terhadap laman sesawang Sunnah.com hasil daripada edaran soal selidik kepada pelajar Tahun 4 Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Bil.	Penyataan	%
1.	Adakah anda pernah menggunakan laman sesawang Sunnah.com untuk mencari hadith-hadith Nabawi?	79
2.	Adakah laman sesawang ini mudah digunakan untuk mengakses hadith-hadith Nabawi?	92
3.	Apakah tahap kesusahan laman sesawang ini ketika anda menggunakannya?	55
4.	Berapakah kekerapan anda melayari laman sesawang Sunnah.com dalam seminggu?	49

Jadual 3: Rumusan Tahap Penggunaan Pelajar Terhadap Laman Sesawang Sunnah.Com

Berdasarkan Jadual 3 diatas, rumusan mendapati kebanyakan para pelajar pernah menggunakan laman sesawang ini untuk membuat carian hadith-hadith Nabawi. Hal ini kerana, para pelajar telah didedahkan oleh para pensyarah tentang penggunaan laman sesawang ini dalam pelajaran mereka terutama dalam subjek Hadith seperti pada Rajah 1. Selain itu, laman sesawang Sunnah.com yang sangat mesra pengguna telah memudahkan para pelajar dalam membuat pencarian hadith-hadith dalam laman sesawang ini.

Pada rumusan kekerapan pelajar melayari laman sesawang ini pula menunjukkan hanya 49% yang melayari laman sesawang Sunnah.com iaitu antara 1-2 kali seminggu. Hal ini kerana, para pelajar lebih memilih untuk menggunakan laman sesawang, aplikasi atau enjin carian yang lain bagi memenuhi keperluan mereka seperti yang tertera pada Rajah 2 dibawah. Aplikasi atau laman sesawang Maktabah Syamilah, Waqfeya dan Dorar.net antara yang menjadi tumpuan para pelajar.



Rajah 2: Penggunaan Laman Sesawang/Aplikasi/Enjin Carian Untuk Mencari Hadith-Hadith Nabawi Selain Laman Sesawang Sunnah.Com

Cadangan Penambahbaikan Terhadap Laman Sesawang Sunnah.com

Antara cadangan penambahbaikan yang dapat dilakukan terhadap laman sesawang ini pada masa akan datang adalah:

1. Membuat penambahan kitab-kitab hadith dengan lebih banyak dan meluas supaya laman sesawang ini setanding dengan laman sesawang yang lebih besar seperti Waqfeya dan Maktabah Syamilah.
2. Meluaskan lagi skop pencarian dan tidak terhad kepada bidang hadith semata. Akan tetapi nama laman sesawang ini juga sudah cukup untuk menggambarkan tentang keutamaannya dalam bidang hadith.
3. Menyediakan takhrij hadith dengan ringkas supaya para pengkaji dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang status sesebuah hadith yang telah dijumpai selain dari hadith-hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.
4. Penambahan tetapan bahasa utama lain seperti Mandarin dan Perancis supaya dapat diakses dengan lebih meluas di dunia.

Kesimpulan

Laman sesawang Sunnah.com merupakan sebuah enjin pencarian hadith yang sangat mudah untuk dikendalikan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Walaupun ianya mudah dan mesra pengguna, akan tetapi ciri-ciri yang ada pada laman sesawang ini sangat berkualiti dan mampu dijadikan bahan rujukan bagi semua pihak. Tersedia padanya kitab-kitab dari sumber asal seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan sebagainya serta kitab-kitab dari sumber yang bukan asal seperti Hadith 40 an-Nawawi, Riyad as-Salihin dan seumpamanya.

Laras bahasa yang mudah dan senang difahami menjadikan laman sesawang ini sebagai laman sesawang yang mudah diikuti. Walaupun terdapat kekurangan yang ada pada laman sesawang ini, perkara tersebut tidak menghalang untuk ditambahbaik pada masa akan datang. Hasil kerja para pengkaji juga akan menjadi lebih mudah dan santai dengan kehadiran laman sesawang seperti ini. Pencarian yang cekap dan responsif menjadikan maklumat dalam laman sesawang ini menjadi cepat dan mudah untuk dicapai.

Akan tetapi, jika seseorang berhajat kepada pencarian maklumat berkaitan bidang hadith atau apa jua bidang agama dengan lebih serius dan mendalam, maka laman sesawang ini bukan pilihan yang utama untuk mereka.

Rujukan

- Fahrudin. (2019). *Kajian Hadis Era Android: Telaah Aplikasi 'Masuk Surga' Karya Ahmad Lutfi Fathullah*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Pikri Hafidz Maulid. (2022). *Analisis Aplikasi Ensiklopedia Hadith 9 Imam Versi Android Sebagai Sarana Dakwah di Media Sosial*. Bandung: UIN Sunan Gunung Djati.
- Shahril Nizam Zulkifli. (2012). *Pemeliharaan Hadith di Internet: Kajian Terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shahril Nizam Zulkifli, Zuriani Yaacob, Norazmi Anas, Mohd Syukri Mohd Noor, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Wan Kamal Nadzif Wan Jamil, Asmadi Yakob. (2017). *Takhrij al-Hadith Via Websites: A Study of al-Durar al-Saniyyah, Mawqi' al-Islam and Islamweb*. *Il Ponte*. 73. 83-100.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Noor Najihan Jaafar, Mohd Zohdi Mohd Amin, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi (2009). *Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadis*.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Noor Najihan Jaafar, Mohd Zohdi Mohd Amin. (2015). *Laman Web al-Durar al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tenny S, Brannan JM, Brannan GD. Qualitative Study. 2022 Sep 18. In: StatPearls [Internet]. Treasure Island (FL): *StatPearls Publishing*; 2022 Jan-. PMID: 29262162.
- John W. Cresswell. 2008. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Pearson.
- Ritonga, Asnil Aidah. 2021. *Maktabah Syamilah as an Information Seeking Tool for Higher Education in Islamic Studies*. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*. 6196. Lincoln: University of Nebraska.
- Khader Ahmad, Ishak Hj. Suliaman, Faisal Ahmad Shah, Ibrahim Adham Mohd Rokhibi. 2019. *Kriteria Utama Dalam Pembangunan Website Hadith: Satu Analisis dan Cadangan*.
- Heru S., Ardhiyatama N. S., Endah S, Ruswa D. 2014. *Rancang Bangun Aplikasi Pembelajaran Hadis Untuk Perangkat Mobile Berbasis Android*. *Journal Informatika*. Indonesia. Vol. 8. No. 2.
- Abd Rahman, N., Syamil, F. I. M. R., & bin Rodzman, S. B. (2020). *Development of mobile application for Malay translated hadith search engine*. *Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science*, 20 (2), 932-938.
- Sarlan, A., Ahmad, R., Ahmad, W. F. W., & Astrini, S. (2021). *Mobile application for children to learn hadith: 'Hidup Cara Rasullullah'*. *International Journal of Information Technology and Management*, 20(1-2), 160-177.
- Widayaningsih, R. C., & Helmy, M. I. *The Fiqh Al-Hadith Of Digital Media: The Method Of Hadith Understanding Of The Website Bincangsyariah. com And Its Contribution To The Moderate Islam Discourse*. *Jurnal Ushuluddin*, 29(2), 163-175.
- Faisal A. S. 2012. *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat Dan Berkesan*. Cetakan Kedua. Tech Production: Kuala Lumpur. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, UM.